

**HUBUNGAN ANTARA PENGAJARAN MIKRO DENGAN TAHAP
KEYAKINAN MENGAJAR DALAM KALANGAN GURU PELATIH UTHM**

KAMILIA BINTI SINDIONG @ MOHD SANY

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI,2012

ABSTRAK

Teknik mengamalkan kemahiran pengajaran yang telah dikenal pasti dan diubahsuai mengikut keadaan dinamai 'pengajaran mikro'. Sehubungan dengan itu, Fakulti Pendidikan Teknikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerapkan kemahiran-kemahiran pengajaran kepada pelajarnya melalui pengajaran mikro. Kajian ini merupakan satu tinjauan ke atas hubungan antara mata pelajaran pengajaran mikro dengan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar. Kemahiran-kemahiran yang sedia ada terkandung dalam mata pelajaran pengajaran mikro juga telah dikaji dalam kajian ini. Sampel kajian ini adalah pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM. Saiz sampel adalah sebanyak 99 orang yang telah dipilih untuk menjalani kajian ini. Data yang diperolehi melalui kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 17.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara mata pelajaran pengajaran mikro dan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV, UTHM.

ABSTRACT

Microteaching is a professional subject which is compulsory for all future teachers. In order to that, Faculty of Technical Education of University of Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) is nurturing the values and skills to its students by offering microteaching subject. This research is conducted to identify the relationship between microteaching subject with a level of teaching confidence among the students. Skills which are embedded in microteaching subject also have been studied in this research. Sample for this research are the students that taking Masters in Technical and Vocational Education, Faculty of Technical Education, UTHM. A sample of 99 students are selected for this research. The gathered data was analyzed using SPSS (Statistical Package for Social Science) software. The finding showed that there was a significant correlation between microteaching subject with a level of teaching confidence among the students.

KANDUNGAN

PENGESAHAN PENYELIA	i
JUDUL	ii
PENGAKUAN	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

SENARAI JADUAL

3.1	Proses menjalankan kaedah tinjauan	49
3.2	Penggunaan skala likert	54
3.3	Interpretasi skor <i>Alpha-Cronbach</i>	57
3.4	Interpretasi skor min	60
3.5	Kaedah analisis data bagi setiap persoalan kajian	61
4.1	Analisis kajian <i>Alpha Cronbach</i>	64
4.2	Bilangan soal selidik yang diedar dan dikembalikan	65
4.3	Jantina responden	66
4.4	Umur responden	66
4.5	Jadual kekerapan, peratusan dan skor min tahap keyakinan pelajar Sarjana PTV dalam menyediakan perancangan pengajaran	69
4.6	Jadual kekerapan, peratusan dan skor min tahap keyakinan pelajar Sarjana PTV dalam melaksanakan sesi pengajaran	71
4.6	Jadual kekerapan, peratusan dan skor min tahap keyakinan pelajar Sarjana PTV dalam melaksanakan sesi pengajaran (sambungan)	72
4.7	Jadual kekerapan, peratusan dan skor min tahap keyakinan pelajar Sarjana PTV dalam mempamerkan sikap dan sahsiah sebagai seorang guru	74
4.8	Kekuatan nilai pekali korelasi	75
4.9	Hubungan antara kemahiran set induksi dengan tahap keyakinan mengajar	76
4.10	Hubungan antara kemahiran menerang dengan tahap keyakinan mengajar	76

4.11	Hubungan antara kemahiran penggunaan ABBM dengan tahap keyakinan mengajar	77
4.12	Hubungan antara kemahiran penyoalan dengan tahap keyakinan mengajar	77
4.13	Hubungan antara kemahiran membuat pengukuhan dengan tahap keyakinan mengajar	78
4.14	Hubungan antara kemahiran menggunakan 'graphic organizer' dengan tahap keyakinan mengajar	78
4.15	Hubungan antara kemahiran menyediakan aktiviti dengan tahap keyakinan mengajar	79
4.16	Hubungan antara kemahiran mengurus kelas dengan tahap keyakinan mengajar	79
4.17	Hubungan antara kemahiran menggunakan contoh dengan tahap keyakinan mengajar	80
4.18	Hubungan antara kemahiran membuat penutup dengan tahap keyakinan mengajar	80
4.19	Ujian-t tahap keyakinan mengajar di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan	82

SENARAI LAMPIRAN

- A Carta Gantt Projek Sarjana 1 dan Projek Sarjana 2
- B1 Borang Soal Selidik
- B2 Jadual Pemilihan Sampel (Krejie dan Morgan)
- C1 Kajian rintis bahagian A
- C2 Kajian rintis bahagian B
- C3 Kajian rintis bahagian C
- D1 Frekuensi jantina dan umur responden
- E1 Frekuensi dan statistik deskriptif bahagian A
- E2 Frekuensi dan statistik deskriptif bahagian B
- E3 Frekuensi dan statistik deskriptif bahagian C
- F1 Min, Sisihan Piawai dan Korelasi
- F2 Min, Sisihan Piawai dan Korelasi
- F3 Min, Sisihan Piawai dan Korelasi
- F4 Min, Sisihan Piawai dan Korelasi
- F5 Min, Sisihan Piawai dan Korelasi
- G1 Analisis t-test
- H1 Surat kebenaran menjalankan kajian daripada KPT
- I1 Borang semakan soal selidik (Pakar 1)
- I2 Borang semakan soal selidik (Pakar 2)
- I3 Borang semakan soal selidik (Pakar 3)
- I4 Borang semakan soal selidik (Pakar 4)

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep kajian	10
1.2	Penerangan kerangka konsep kajian	11
2.1	Konsep pengajaran dan pembelajaran	24
2.2	Konsep pengajaran	24
2.3	Proses pengajaran	25
2.4	Model pengajaran sim	26
2.5	Proses penyelesaian masalah	27
2.6	Falsafah pendidikan yang berpaksikan ke tuhanan	28
2.7	Pengukuhan	41
2.8	Peta minda	42
2.9	Grafik klasifikasi	42
3.1	Carta alir kerangka konsep	51
3.2	Formula pengiraan peratusan kekerapan	59
3.3	Formula pengiraan purata skor	59

SENARAI SINGKATAN

- UTHM - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
PTV - Pendidikan Teknik dan Vokasional

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Kebolehan dan keberkesanan seorang guru atau pensyarah menyampaikan ilmu amat penting dalam menentukan kemampuan pelajar belajar dan berfikir sendiri dan mengubah tingkah laku dan sikap mereka. Pendekatan pengajaran perlu seimbang dengan perkembangan teknologi dan persekitaran. Pengajaran adalah melibatkan tiga pihak utama iaitu guru atau pendidik, pelajar dan medium perantara penyampai maklumat atau proses pemindahan ilmu. Proses pengajaran dikatakan berkesan apabila pelajar dapat mengaplikasikan sesuatu ilmu atau kemahiran yang disampaikan oleh guru.

Terdapat beberapa ciri-ciri berkesan untuk menjadi seorang pendidik atau guru yang berkesan. Antaranya ialah seorang guru atau pendidik perlu prihatin dengan kehendak murid dan ibu bapa. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pelajar merupakan klien yang memiliki kehendak dan keperluan yang perlu dipenuhi oleh guru.

Setiap bakal pendidik yang mengikut kursus pendidikan adalah diwajibkan menjalani Latihan Mengajar. Latihan mengajar ini dapat memberi peluang kepada bakal tenaga pengajar untuk mengaplikasikan teori yang telah dipelajari dan secara tidak langsung memberi kemahiran kepada bakal tenaga pengajar. Bagi setiap institusi yang menyediakan peluang kerjaya sebagai seorang tenaga pengajar telah memasukkan Program Latihan Mengajar sebagai satu elemen dalam kurikulum pengajian.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah tidak terkecuali dari memasukkan program ini ke dalam kurikulumnya.

Pendidikan seperti yang diketahui merupakan perkara yang paling penting di dalam kehidupan. Ini kerana pendidikan boleh menentukan tahap pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, segala perkara yang berkaitan dengan aspek pendidikan adalah diutamakan terlebih dahulu oleh pihak kerajaan. Di zaman moden, pendidikan formal dijalankan dengan cara yang bersistematik. Sistem pendidikan moden memerlukan institusi-institusi tertentu seperti sekolah, maktab, akademi dan universiti, dengan orang-orang tertentu yang boleh digolongkan sebagai guru yang menjalankan tugas ikhtisas sebagai pendidik dan pemimpin.

Guru adalah sebagai satu profesion. Sesuatu pekerjaan yang boleh digolongkan sebagai satu profesion haruslah mempunyai ciri-ciri seperti pekerjaan itu merupakan perkhidmatan yang unik dan penting dengan matlamat yang jelas untuk masyarakat dan negara, orang professional yang pernah mendapat latihan khusus dalam sesuatu bidang kemahiran ikhtisas mengikut satu tempoh masa tertentu dan setiap ahli profesion mematuhi sesuatu kod etika yang ditentukan oleh organisasi profesion itu.

Berdasarkan kepada ciri-ciri tadi, mengikut Mok S.S. (2003) konsep profesion itu boleh dirumuskan secara ringkas seperti berikut :

“Sesuatu pekerjaan yang khusus dan dilaksanakan oleh orang mempunyai kelulusan dan latihan ikhtisas yang cukup bermutu, bersikap jujur, dedikasi, bertanggungjawab dan bermoral tinggi, mempunyai autonomi bertugas serta mematuhi kod etika yang ditentukan oleh organisasinya”

Berdasarkan konsep profesion, maka profesion perguruan diertikan sebagai pekerjaan pengajaran yang memerlukan pelajaran yang tinggi dan latihan khas, misalnya latihan dijalankan dalam maktab perguruan. Guru mempunyai tugas yang mulia lagi penting kerana di tangan gurulah terletak rakyat pada masa yang akan datang. Kalau tugas guru itu dijalankan dengan baik, maka masyarakat akan beruntung kerana mendapat rakyat yang berguna, tetapi kalau sebaliknya berlaku, masyarakat akan menanggung kerugian yang besar.

Oleh sebab penting dan mulianya jawatan ini, adalah menjadi tugas yang amat berat dan besar bagi orang-orang yang memegang jawatan ini mengekalkan imej yang baik. Oleh yang demikian, adalah perlu untuk menyediakan orang-orang yang akan memasuki jawatan ini supaya mereka mempunyai sifat-sifat rasa terlibat

yang sepenuhnya terhadap ikhtisas perguruan ini. Sekiranya guru-guru mencuaikan tugas dan tanggungjawab mereka, bukan sahaja imej ikhtisas perguruan dipandang rendah tetapi harapan rakyat untuk mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar daripada guru akan hampa.

Mengikut kajian yang dilakukan oleh Long A. (1982), seseorang guru mempunyai peranan yang diharapkan oleh masyarakat dan dalam memainkan peranan ini, guru mempunyai tanggungjawab. Guru diharapkan bukan sahaja setakat mengajar atau memberikan ilmu pengetahuan tetapi juga mendidik, iaitu membentuk sikap, nilai dan akhlak manusia; memberikan contoh yang boleh menjadi ikutan segala lapisan masyarakat; membawa pandangan-pandangan baharu yang boleh membawa kepada perubahan dan kemajuan atau dengan lain perkataan, menjadi agen pembaharuan.

Di sebalik peranan dan tanggungjawab yang diharapkan oleh masyarakat, guru pula mempunyai hak ke atas masyarakat. Guru berhak mendapat perhatian ketika memberikan pengajarannya di dalam bilik darjah dan buah fikirannya perlu mendapat perhatian dan penghargaan. Sebagai manusia biasa, guru juga berhak mendapat ganjaran yang setimpal dengan tugas dan tanggungjawabnya, berbanding dengan orang yang memegang jawatan lain. Oleh sebab pentingnya tugas guru dan besarnya harapan rakyat terhadap mereka, maka amatlah perlu penyediaan guru dilakukan dengan teratur dan bersistematik.

Mengikut Mok S.S. (2003), sebelum seseorang menjadi guru, dia perlu menerima latihan dalam perguruan untuk menjadi seorang guru yang bertauliah. Umpamanya, seorang guru yang bertauliah mesti mempunyai Sijil Perguruan atau Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sebelum dibenarkan mengajar di sekolah kerajaan. Walau bagaimanapun, sama ada seseorang guru itu menerima latihan perguruan atau tidak, dia mesti mempunyai pengetahuan yang meluas serta mendalam tentang mata pelajaran yang ditugaskan untuk mengajar. Guru juga mesti menguasai kaedah atau cara penyampaian dalam pengajarannya supaya murid-murid dapat memahami apa yang disampaikan olehnya. Di samping itu, guru haruslah mempunyai sahsiah yang baik dan dapat dihormati serta dicontohi oleh muridnya. Kebanyakan kualiti kecerdasan dan sahsiah guru adalah hasil daripada latihan yang membolehkan seseorang guru itu menguruskan pengajarannya dengan berkesan. Latihan ini termasuklah kefahaman terhadap sifat kejasmanian dan sifat psikologi kanak-kanak serta teori penyampaian pelajaran.

Oleh sebab itu, berbagai-bagai pendekatan dan langkah dilakukan oleh universiti dan maktab perguruan sebagai persediaan untuk melahirkan golongan pendidik yang berkesan. Perkara utama yang perlu dilakukan adalah untuk memahami dengan jelas kemahiran yang digunakan untuk mengajar dan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada bakal-bakal guru. Pengajaran merupakan aktiviti yang memerlukan penguasaan beberapa kemahiran untuk mengajar secara berkesan dan bermakna. Teknik mengamalkan kemahiran pengajaran yang telah dikenal pasti dan diubahsuai mengikut keadaan dinamai 'pengajaran mikro'.

Pengajaran mikro juga bermaksud mempraktikkan sebahagian kecil daripada keseluruhan kegiatan sesuatu pengajaran (Ashaari O., 1997). Para pendidik perlu mengetahui kaedah memperkenalkan pengajaran, mengguna, menilai, dan membincangkan penggunaan kemahiran-kemahiran itu di kalangan mereka. Teknik ini merupakan persediaan awal yang diberikan kepada guru pelatih sebelum mereka menghadapi keadaan mengajar yang sebenarnya dalam bilik darjah. Mereka juga dapat membuat analisis terhadap kemahiran-kemahiran yang digunakan. Untuk itu, guru-guru pelatih dikelaskan kepada beberapa unsur kemahiran dan ini digunakan sebagai asas terhadap pendekatan yang teratur dalam memberi latihan dan menyediakan mereka sebagai pendidik.

Di samping itu, pengajaran mikro juga memberi kesempatan kepada guru pelatih untuk mempelajari, berbincang dan menguasai kemahiran – kemahiran asas dalam keadaan yang terkawal dengan mengurangkan tekanan dan masalah yang akan dihadapi dalam suasana pengajaran. Bilangan guru pelatih yang terlibat dalam pengajaran mikro adalah kecil dan ini memudahkan mereka menumpukan perhatian terhadap latihan pengajaran dan penguasaan kemahiran yang akan digunakan sebagai amalan mereka dalam bilik darjah kelak. Dengan itu, mereka dapat menjalani amali dalam keadaan yang terkawal. Pengajaran ini juga dapat memberi maklum balas terhadap prestasi pengajaran guru dengan serta merta. Mereka juga dapat mengenali model pengajaran yang baik dan berkesan dan dapat menyaksikan kekurangan pada diri sendiri. Dengan ini, mereka dapat mengkaji, memperbaiki dan mempertingkatkan kemahiran mereka.

Oleh itu, pada pandangan pengkaji, untuk melahirkan guru yang terlatih sebagai persediaan bagi menjadi pendidik yang berkesan dan berpengaruh dalam masyarakat, berbagai-bagai pendekatan, teknik dan kaedah perlu digunakan oleh universiti - universiti dan maktab-maktab perguruan. Perkara utama yang perlu

dilakukan adalah untuk memahamkan dengan jelasnya mengenai kemahiran yang digunakan untuk mengajar dan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada bakal-bakal guru. Maka dengan itu, guru-guru pelatih perlu didedahkan kepada beberapa kemahiran mengajar dan ini digunakan sebagai asas terhadap pendekatan yang lebih teratur lagi dalam memberi latihan dan menyediakan mereka sebagai pendidik. Tegasnya, pengajaran merupakan aktiviti yang memerlukan penguasaan beberapa kemahiran untuk mengajar secara berkesan dan bermakna.

1.2 Latar belakang kajian

Latar kajian ini dilakukan di UTHM. UTHM merupakan institusi pendidikan yang turut menawarkan kursus pendidikan. Sejarahanya bermula pada 16 September 1993 yang dikenali sebagai Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP) bertujuan untuk melatih dan melahirkan tenaga pengajar yang berpengetahuan dan mahir dalam pelbagai bidang kejuruteraan. Penubuhan ini telah mencatatkan satu perkembangan baru dalam sistem negara. Sebagai sebuah institut teknologi yang cemerlang dan mampu mengharungi perkembangan pendidikan negara terutama keupayaan menangani isu pembangunan sumber manusia teknikal di negara ini telah membawa pengisytiharan nama baru iaitu UTHM. Sebagai sebuah universiti awam Negara, UTHM bersedia memikul tanggungjawab bagi memastikan ianya menjadi sebuah pusat kecemerlangan akademik. Dengan itu, pelajar dalam bidang pendidikan akan dipastikan menjalani latihan mengajar sebelum menamatkan kursus mereka. Latihan mengajar ini akan dihadiri selama dua belas minggu. Bagi pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), mereka akan dihantar menjalankan latihan di politeknik atau kolej komuniti.

Program latihan mengajar adalah komponen penting dalam kurikulum latihan perguruan pra-perkhidmatan yang berlandaskan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Guru. Latihan mengajar membolehkan guru pelatih menguasai dan mengamalkan segala konsep, prinsip, kemahiran dan nilai yang diperlukan oleh seseorang insan guru yang professional. Latihan mengajar juga membantu perkembangan potensi guru pelatih supaya mempunyai daya ketahanan diri dalam menghadapi pelbagai cabaran di sekolah.

Melalui latihan mengajar, guru atau pensyarah pelatih berpeluang mengamalkan segala teori dan kemahiran yang dipelajari di institusi pendidikan untuk diaplikasikan di dalam kelas atau bilik kuliah. Sebagai individu baru dalam dunia pendidikan, golongan ini perlu dibimbing dengan teliti supaya matlamat melahirkan guru atau pensyarah beriltizam dan berketrampilan dengan tugas harian yang begitu mencabar akan dapat dicapai.

Terdapat dua idea penting yang menjadi asas kepada pengajaran yang berkesan (Kamarudin M.R., 2010). Pertama, terdapat perhubungan langsung dengan apa yang dilakukan oleh guru dalam perancangan, penyampaian dan penilaian pengajaran terhadap apa yang dipelajari oleh pelajar, sama ada mereka orang dewasa atau belia. Kedua, guru merupakan orang yang bertanggungjawab menentukan apa yang berlangsung di dalam bilik darjah serta makmal dan nilai-nilai pendidikan kegiatan-kegiatan pembelajaran. Oleh yang demikian, keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran banyak bergantung kepada kebijaksanaan dan kreativiti guru. Semuanya bermula dengan proses merancang pengajaran.

Dalam dunia pendidikan semasa, banyak kedengaran mengenai permasalahan yang berlaku di institusi pendidikan, seperti sekolah. Antara masalah yang sering kedengaran dewasa ini adalah masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Salah satu punca gejala ini berlaku adalah daripada guru sendiri iaitu; guru tidak dapat menggunakan pendekatan dan kaedah pengajaran yang menarik dan sesuai, guru tidak tegas ketika menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dan guru mempunyai sifat pilih kasih dengan memberi layanan yang tidak sama kepada pelajar (Hashim S. , 2003).

Sebagaimana yang kita ketahui, pengajaran mikro merupakan suatu teknik simulasi yang bertujuan untuk memberikan guru-guru pelatih pengalaman mengajar serta menguasai kemahiran-kemahiran mengajar dalam satu situasi yang hampir sama dengan aktiviti pengajaran di bilik darjah. Kemahiran-kemahiran mengajar yang dipilih merupakan kemahiran-kemahiran mengajar yang penting dan kerap digunakan untuk menjalankan aktiviti pengajaran dalam bilik darjah semasa menjalani latihan praktikal di sekolah dan selepas tamat pengajian kursus di maktab perguruan atau universiti.

Sebagai seorang bakal guru, adalah menjadi tanggungjawab besar pelajar-pelajar di bawah Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM untuk menguasai kemahiran-kemahiran mengajar yang telah dipelajari dalam mata pelajaran pengajaran mikro

serta berkeyakinan menjalankan aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah. Ini kerana perguruan ialah satu profesion yang matlamatnya ialah untuk ‘ membentuk insan dan ikhsan manusia’ yang sempurna dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Peranan yang dimainkan oleh guru adalah penting dalam usaha membentuk dan mencorak generasi akan datang sebagaimana dicita-citakan oleh negara. Sebagai penyalur maklumat dan penyampai visi dan misi kerajaan, guru haruslah mempunyai kemahiran professional, cekap dan dedikasi di dalam menjalankan tugas mereka (Mok S.S, 2003).

Oleh itu, pada pendapat pengkaji, pengajaran mikro seharusnya dapat membantu pengajaran disampaikan dengan berkeyakinan agar pelajar mudah memahami pengajaran yang disampaikan. Seseorang guru atau pensyarah wajar memupuk keyakinan diri supaya dapat bertugas dengan berkesan. Pada kebiasaannya guru atau pensyarah yang baru mula bertugas akan mengalami masalah keyakinan, mungkin disebabkan ketiadaan pengalaman mengajar atau kemahiran yang khusus dalam bidang tersebut.

1.3 Pernyataan masalah

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, para pendidik perlu memahami cara-cara membuat persediaan, penyampaian dan mempamerkan ciri-ciri sahsiah yang baik kepada pelajar. Ini adalah bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan mencapai objektif seperti yang telah ditentukan. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Sulaiman E. (2004), pada suatu ketika pengajaran guru hanya berpusatkan guru tetapi pula pada masa sekarang menurut beliau, pendekatan mengajar lebih kepada berpusatkan murid dan bahan. Ini bermakna guru perlu mempunyai kepelbagaian kaedah mengajar dan kemahiran yang dipelajari sebelum bergelar guru. Dalam program pendidikan, antara mata pelajaran yang wajib diambil oleh para pelajar adalah pengajaran mikro di mana dalam mata pelajaran ini, mereka akan diajar berkaitan kaedah mengajar dan kemahiran-kemahiran yang perlu ada pada seorang guru. Oleh itu, kajian ini cuba mengenalpasti masalah-masalah berkaitan kemahiran mengajar yang dihadapi pelajar sebelum bergelar guru dan pengkaji ingin mengetahui sama ada wujudnya hubungan yang

signifikan di antara mata pelajaran pengajaran mikro dengan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV, UTHM.

1.4 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau hubungan di antara mata pelajaran pengajaran mikro dengan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV. Tahap keyakinan mengajar yang akan dinilai mengikut persepsi pelajar Sarjana PTV adalah berdasarkan kepada dua aspek iaitu tahap keyakinan dalam menyediakan perancangan pengajaran dan tahap keyakinan dalam melaksanakan sesi pengajaran. Selain itu, kajian ini akan melihat perbezaan secara statistik di antara tahap keyakinan mengajar lelaki dengan perempuan. Kemahiran-kemahiran yang sedia ada terkandung dalam mata pelajaran pengajaran mikro juga akan dikaji dalam kajian ini.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah seperti berikut :

- (i) Mengetahui persepsi pelajar Sarjana PTV terhadap tahap keyakinan mereka dari aspek menyediakan perancangan pengajaran selepas mengambil mata pelajaran pengajaran mikro.
- (ii) Mengetahui persepsi pelajar Sarjana PTV terhadap tahap keyakinan mereka dari aspek melaksanakan sesi pengajaran selepas mengambil mata pelajaran pengajaran mikro.
- (iii) Mengetahui persepsi pelajar Sarjana PTV terhadap tahap keyakinan mereka dari aspek mempamerkan sikap dan sahsiah sebagai seorang guru selepas mengambil mata pelajaran pengajaran mikro.
- (iv) Menentukan hubungan yang signifikan di antara pengajaran mikro dengan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV.

- (v) Meninjau samada terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap keyakinan mengajar pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

1.6 Soalan kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab persoalan seperti berikut :

- (i) Apakah persepsi pelajar Sarjana PTV terhadap tahap keyakinan mereka dari aspek menyediakan perancangan pengajaran selepas mengambil mata pelajaran pengajaran mikro?
- (ii) Apakah persepsi pelajar Sarjana PTV terhadap tahap keyakinan mereka dari aspek melaksanakan sesi pengajaran selepas mengambil mata pelajaran pengajaran mikro?
- (iii) Apakah persepsi pelajar Sarjana PTV terhadap tahap keyakinan mereka dari aspek mempamerkan sikap dan sahsiah sebagai seorang guru selepas mengambil mata pelajaran pengajaran mikro?
- (iv) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pengajaran mikro dengan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV?
- (v) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap keyakinan mengajar pelajar lelaki dan pelajar perempuan?

1.7 Hipotesis kajian

Suatu jangkaan perlu ada untuk setiap kajian. Hipotesis kajian telah dirangka bagi persoalan kajian yang ketiga dan keempat dan ianya adalah seperti berikut :

- (i) Hipotesis pertama

Hipotesis null (H_0) : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengajaran mikro dengan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV

Hipotesis alternatif (H_a) : Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengajaran mikro dengan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV


(ii) Hipotesis kedua

Hipotesis Null (H_0) : Tiada perbezaan statistik yang signifikan di antara tahap keyakinan mengajar pelajar lelaki dan pelajar perempuan

Hipotesis alternatif (H_a) : Terdapat perbezaan statistik yang signifikan di antara tahap keyakinan mengajar pelajar lelaki dan pelajar perempuan

1.8 Kerangka konsep kajian

Kerangka konsep digunakan bagi menjelaskan secara grafik atau dalam bentuk cerita tentang kajian yang akan dijalankan. Kerangka konsep bagi kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Kerangka konsep kajian (Adaptasi daripada Ahmad N.A., 2011)

Komponen utama kerangka konsep kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana PTV yang bakal menjadi guru pelatih di institusi pendidikan seperti

Kolej Komuniti dan Politeknik. Komponen kedua merupakan tahap keyakinan mengajar yang dikaji melalui persepsi pelajar Sarjana PTV dari aspek menyediakan rancangan pengajaran dan sesi melaksanakan pengajaran. Kemahiran-kemahiran yang terkandung dalam pengajaran mikro juga turut dikaji iaitu kemahiran set induksi, kemahiran penerangan, kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar, kemahiran penyoalan, kemahiran membuat pengukuhan, kemahiran menggunakan '*graphic organizer*', kemahiran menyediakan aktiviti, kemahiran mengurus kelas/bilik darjah, kemahiran menggunakan contoh, dan kemahiran penutup pengajaran. Kesemua kemahiran ini akan mempengaruhi tahap keyakinan mengajar pelajar Sarjana PTV. Penerangan kerangka konsep kajian pengkaji telah diubahsuai dengan merujuk kepada kandungan Panduan Penyeliaan Pembimbing, Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2.

1.9 Kepentingan kajian

Seperti lazimnya, setiap sesuatu kajian yang dijalankan itu mestilah untuk kebaikan bersama bagi semua pihak. Oleh itu, kepentingan kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat di samping memberikan maklumat yang berguna dan berkesan kepada pihak fakulti khususnya dan secara amnya kepada pihak universiti supaya mengekalkan dan meningkatkan lagi usaha dalam melahirkan graduan jurusan perguruan Fakulti Pendidikan Teknikal yang lebih profesional dan berkesan serta berkualiti.

Kepentingan kajian yang dikemukakan di dalam kajian ini adalah untuk meninjau mengenai tahap keyakinan dalam pengajaran sebelum latihan mengajar dijalankan. Hal ini kerana para pelajar ini bakal menjadi seorang pendidik yang akan mengajar di sekolah-sekolah menengah teknik, kolej komuniti dan politeknik. Oleh hal demikian, kajian ini bertujuan agar pelajar keluaran Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM dapat bersaing dengan bakal-bakal pendidik dari universiti lain dalam pasaran kerja kelak. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pihak fakulti dan universiti dalam memperbaiki dan mempertambahkan lagi fasiliti yang sedia ada dalam pengajaran mikro supaya kemahiran mengajar itu dapat diserap dengan sempurna oleh pelajar.

Kajian yang dirangka dan seterusnya dilaksanakan ini boleh juga dijadikan garis panduan kepada pelajar-pelajar mengenai aspek yang perlu ada di dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Pelatih dapat mempraktikkan segala ilmu yang diperolehi ketika menjalani kursus di dalam dunia pekerjaan sebenar sebagai seorang tenaga pengajar manakala pusat pengurusan latihan mengajar dapat mengenalpasti samada kurikulum yang diterapkan sebelum bakal tenaga pengajar sudah mencukupi atau belum untuk meningkatkan keyakinan dalam pengajaran. Selain itu, dengan latihan mengajar yang berkesan, akan melahirkan golongan pendidik yang berkaliber, professional, dan berketrampilan untuk menangani dan menyahut cabaran dunia pendidikan sekarang. Bidang pendidikan akan bertambah ceria dengan kehadiran guru atau pensyarah yang terlatih dan berbekalkan ilmu serta kemahiran.

1.10 Skop kajian

Skop kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Sarjana PTV yang telah mengambil mata pelajaran pengajaran mikro sebelum menjalani latihan mengajar di Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah ditentukan. Satu set soal selidik akan diedarkan sebelum responden pergi menjalani latihan mengajar. Dapatan dari soal selidik yang diedarkan kepada responden akan dikenalpasti setelah kesemua set soal selidik dikumpulkan semula.

1.11 Batasan kajian

Kajian ini dibataskan kepada pelajar-pelajar semester 2 dan 3 sesi 2010/2011 Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional UTHM sahaja. Ini kerana pengkaji hanya ingin mengkaji tentang pelajar sarjana Fakulti Pendidikan Teknikal yang telah mengambil mata pelajaran pengajaran mikro pada pembelajaran semester yang lepas sahaja. Bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini, maka borang soal selidik akan diedarkan bagi tujuan pengumpulan data kajian. Maklumat kajian hanya diperolehi melalui soal selidik sahaja. Pengumpulan data kajian adalah sah dan tepat pada masa kajian ini dijalankan. Jika sekiranya terdapat sebarang perubahan yang berlaku, maka ianya adalah diluar kawalan pengkaji atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti dasar-dasar Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia dan kejujuran responden itu sendiri.

1.12 Definisi istilah dan operasional

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang akan digunakan. Bagi menerangkan dengan lebih terperinci tentang kajian yang dijalankan istilah penting yang penting dijelaskan. Definisi istilah atau konsep merujuk kepada definisi yang dibuat oleh satu badan atau individu yang mempunyai aktiviti dalam bidang bahasa atau berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat berdasarkan sumber rujukan (Abdul Ghafar M.N. ,1999). Definisi Operasional pula merujuk kepada konteks kajian sahaja. Ia bertujuan agar kajian dijalankan tidak menyimpang daripada matlamat

asal. Senarai definisi istilah dan operasional bagi konteks kajian ini adalah seperti berikut:

(i) Hubungan

Menurut Kamus Dewan (2005), hubungan bermaksud sambungan atau rangkaian. Dalam kajian ini, pengkaji memaksudkan hubungan yang signifikan antara mata pelajaran pengajaran mikro dengan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV, UTHM.

(ii) Pengajaran mikro

Pengajaran mikro merupakan satu teknik pengajaran yang dijalankan dalam kumpulan yang terdiri daripada lima hingga sepuluh orang. Ia merupakan satu bentuk pengajaran bersaiz kecil untuk tujuan memperkembangkan lagi kemahiran pengajaran yang ada dalam diri seorang guru. Pengajaran mikro ini juga dapat membantu mempertingkatkan daya keyakinan diri seseorang guru pelatih supaya mereka bersedia menghadapi situasi sebenar. Pengajaran mikro merupakan salah satu subjek yang diambil oleh pelajar Sarjana PTV sebagai langkah penyediaan sebelum bergelar guru.

(i) Tahap

Menurut Kamus Dewan (2005), tahap bermaksud peringkat atau tingkat. Dalam kajian ini, tahap yang dimaksudkan adalah tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV.

(ii) Keyakinan

Menurut Kamus Dewan (2005), keyakinan merupakan perihal yakin, kepercayaan yang sungguh-sungguh, kepastian, kesungguhan, ketentuan. Keyakinan diri didefinisikan sebagai kepercayaan bahawa seseorang boleh mencapai hasrat yang diingini. Mengikut Idris K.A.(2002), keyakinan diri adalah sumber kekuatan peribadi dan idola yang baik merupakan contoh yang dapat menyokong ketrampilan personaliti seseorang individu. Keyakinan yang dimaksudkan dalam kajian ini

adalah bagaimana seseorang pelatih itu menggunakan teknik dan kemahiran yang telah dipelajari, komunikasi dengan persekitaran dan penyampaian pengajaran yang berkesan.

(iii) Mengajar

Mengajar merupakan satu proses yang melibatkan langkah-langkah, prosedur-prosedur dan peringkat-peringkat tertentu bagi mencapai objektif pengajaran.

(iv) Guru pelatih

Pelajar-pelajar yang mengambil kos pendidikan yang bakal menjadi guru. Dalam kajian ini, guru pelatih yang dimaksudkan adalah pelajar-pelajar Sarjana PTV yang bakal bergelar guru nanti.

1.13 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini meliputi dua belas subtopik yang menerangkan tentang kajian yang akan dijalankan. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui hubungan yang signifikan antara mata pelajaran pengajaran mikro dengan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV. Empat objektif akan dikaji dalam kajian ini berdasarkan kemahiran-kemahiran yang terkandung dalam mata pelajaran pengajaran mikro. Kerangka konsep yang dibangunkan menggunakan adaptasi daripada kajian yang lepas yang kemudiannya dirumuskan mengikut kesesuaian objektif. Kajian ini dibataskan kepada pelajar Sarjana PTV yang telah mengambil mata pelajaran pengajaran mikro sahaja.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan salah satu bab yang penting kepada seseorang pengkaji untuk menjalankan penyelidikan. Bab ini dapat menentukan sejauh mana kesignifikan kajian yang telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Kebanyakan sumber yang diperolehi adalah daripada jurnal, buku rujukan, tesis, kertas teknikal dan sebagainya. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Antara aspek yang akan difokuskan adalah berhubung dengan aspek berkaitan program pendidikan teknik dan vokasional. Kajian ini juga akan menumpukan kepada hubungan antara mata pelajaran pengajaran mikro dengan tahap keyakinan mengajar dalam kalangan pelajar Sarjana PTV, UTHM.

2.2 Pendidikan di Malaysia

Pendidikan sebagai satu usaha yang berterusan dan bermula dari kanak-kanak. Dari itu, Falsafah Pendidikan Negara yang berbunyi “Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara” merupakan satu proses bagi seseorang individu memperoleh dan menggunakan ilmu pengetahuan, nilai-nilai murni dan kemahiran yang ada.

Mengikut kajian yang dilakukan oleh Mok S.S.(2002), secara khususnya pendidikan boleh diertikan sebagai aktiviti persekolahan. Ini bermakna pendidikan merupakan aktiviti-aktiviti yang mempunyai objektif, rancangan dan organisasi untuk mendidik murid-murid supaya menjadi insan yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan menguasai kemahiran tertentu, demi berupaya menyesuaikan diri dalam masyarakatnya pada masa depan. Di peringkat kanak-kanak contohnya, ibu bapa mengasuh dan membimbing mereka dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama dan akhlak yang baik dan terpuji.

Oleh itu, pendidikan awal kanak-kanak amatlah penting bagi membentuk asas sahsiah yang terus berkembang hingga ke akhir hayat seseorang. Di sekolah, kanak-kanak menerima ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni serta perkembangan bakat dan potensi secara formal. Maka proses ini akan berterusan di sepanjang alam persekolahan. Bila dewasa, kanak-kanak tadi akan bekerja dan menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling Mereka belajar ilmu-ilmu baru seperti kemahiran berkomunikasi, bergaul, berinteraksi, bertukar idea dan sebagainya.

Dalam masyarakat moden, proses pembelajaran diuruskan dengan cara yang lebih sistematik terutama sistem persekolahan di mana kemahiran-kemahiran yang difikirkan perlu oleh sesuatu masyarakat dijadikan sukatan pelajaran atau kurikulum. Mata pelajaran- mata pelajaran disampaikan dengan kaedah-kaedah yang tertentu supaya pembelajaran murid-murid berlaku dengan berkesan dan dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Dari sini menunjukkan pendidikan berlaku secara berterusan

dan maka dengan itu hasrat falsafah pendidikan negara akan tercapai. Dalam usaha pengembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan yang berterusan, maka peneraju utamanya adalah pendidik tidak kira samada guru ataupun pensyarah.

Memandangkan pendidik adalah tenaga penggerak utama dalam memainkan peranan penting dalam menghadapi arus perkembangan dunia pendidikan, maka latihan yang cukup lengkap merupakan satu perkara yang sangat dititikberatkan bagi melahirkan seseorang bakal pendidikan yang berkualiti.

Perkara yang paling asas di dalam penyediaan guru ialah pembinaan sikap yang baik dan sesuai serta mempunyai rasa penglibatan ikhtisas tentang perguruan dan pendidikan. Guru perlu mempunyai sifat dedikasi terhadap pekerjaan kerana proses mendidik memerlukan ketekunan dan usaha yang berlanjutan. Dedikasi adalah merupakan penumpuan penuh terhadap sesuatu tugas atau pekerjaan, memikirkan cara-cara memperbaiki dan memajukan pekerjaan, merancang langkah-langkah dan tindakan yang akan diambil di dalam alam pekerjaan supaya mendatangkan hasil dan kesan yang lebih baik dan seterusnya menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dan sepenuh hati.

Justeru itu, latihan keguruan adalah faktor utama yang boleh memperkembangkan dan memajukan bidang pendidikan. Ini supaya seseorang pendidik dapat menjalankan tugas harian mereka dengan lebih licin, cekap dan paling penting sekali adalah berkesan. Berdasarkan matlamat utama pendidikan iaitu menyediakan seseorang individu agar dapat memainkan peranan yang positif dan berkesan di dalam masyarakat, maka dengan itu pendidikan juga menjadi agen menyebarkan dan mengekalkan kebudayaan yang sesuai dengan kemajuan dan pembangunan semasa.

Di zaman serba moden ini, pendidikan juga dapat menyediakan ahli masyarakat yang mempunyai ketahanan mental yang tinggi bagi menghadapi cabaran kehidupan yang semakin hari semakin kritikal. Sehubungan dengan itu, untuk mengajar dengan cara yang betul seseorang pendidik mestilah mempunyai kemahiran yang tertentu. Kemahiran ini bukan sahaja tertumpu kepada kaedah mengajar, malah yang paling penting adalah teknik dan kesan yang bakal diperolehi oleh pelajar apabila menerima segala bentuk ajaran guru atau pensyarah mereka di sekolah. Berikutan ini, Kementerian Pengajian Tinggi merangka satu pelan induk yang membolehkan bakal supaya mempelajari dan mendalami ilmu dan teknik pengajaran yang berkesan melalui satu matapelajaran yang dipanggil 'Pengajaran Mikro'.

Dalam pengajaran mikro, konsep pendekatan yang bermakna cara mendekati sesuatu dalam konteks bilik darjah adalah merujuk kepada cara bagaimana objektif-objektif jangka panjang dapat dicapai dalam satu-satu mata pelajaran yang diajar oleh guru (Ee A.M. , 1997). Ilustrasi ini disokong juga oleh Sulaiman E. (2004) dan Mok S.S. (2002). Teknik-teknik dalam mencapai konsep pendekatan ini adalah diperolehi daripada kemahiran dalam pengajaran mikro. Di mana setiap daripadanya memberi kesan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Latihan mengajar pula merupakan kemuncak sesuatu kajian latihan perguruan. Semua institusi perguruan di Malaysia mengadakan latihan mengajar pada penghujung program pendidikan guru, iaitu bersesuaian dengan bermulanya semester pertama persekolahan. Dalam tempoh 12 atau 13 minggu latihan mengajar ini , guru-guru pelatih berpeluang mempraktikkan teori dan amali yang dipelajari ke alam pekerjaan yang sebenar. Latihan mengajar memberi tumpuan kepada aspek pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Hampir keseluruhan penilaian adalah berdasarkan prestasi bakal guru mengendalikan kelas iaitu proses perancangan mengajar dan pengajaran sebenarnya.

Manakala melalui latihan mengajar, guru pelatih dapat menunjukkan dan mengamalkan tingkah laku yang diingini untuk mengajar secara professional, berkesan dan proaktif serta dapat mampu mengamalkan teori-teori yang telah didedahkan sewaktu mengikuti kursus pendidikan. Latihan mengajar adalah satu transisi daripada seorang pelajar kepada seorang guru terlatih. Ia juga merupakan satu komponen penting dalam sesuatu program latihan perguruan (Abdul Raof dan Mohd Meerah T.S., 1991).

Pada pandangan pengkaji, peranan dan kepentingan pendidikan dalam mendidik, membentuk dan mendoktrinkan generasi pelapis bangsa adalah sesuatu hal yang sangat penting. Dan ini terbukti dengan tindakan dan perancangan yang rapi yang ditunjukkan oleh kerajaan yang memimpin negara sejak dahulu lagi menjadikan isu pendidikan sebagai antara salah satu isu yang harus diberi perhatian sebaris dengan isu sosial dan ekonomi. Sesi pengajaran dan pembelajaran melibatkan hubungan dan interaksi dua pihak iaitu pengajar dan pelajar. Pengajar yang telah diamanahkan untuk mencapainya ilmu kepada pelajarnya haruslah mempunyai dedikasi dan ketekunan yang tinggi dalam menjalankan usaha murni membentuk dan mencorak generasi bangsa akan datang. Justeru itu latihan dan persediaan dalam

menghadapi sesi pengajaran adalah perlu sebagai pelengkap kepada seorang tenaga pengajar.

2.3 Strategi hal mengajar

Guru sentiasa menghadapi masalah memperbaiki pengajaran dan proses belajar. Pensyarah muda selalu mengeluh mengenai kelemahannya bagi memuaskan hati penuntut mereka. Walaupun teknologi pendidikan telah berkembang, tetapi masih banyak pensyarah yang menggunakan sistem tradisi. Mereka terlalu menitikberatkan pada penyampaian ilmu pengetahuan, padahal, mereka tidak banyak merangsang percakapan yang cerdas dalam kalangan pihak penuntut.

Disebabkan pemahaman kita mengenai cara belajar individu dan pelajaran khas pada yang tidak sanggup, maka kita harus memajukan penggunaan tujuan khas dengan rujukan tertentu pada peringkat akademik tinggi yang dilaksanakan oleh pensyarah untuk menolong berjayanya hal belajar. Setiap penuntut harus diberikan satu leretan tujuan yang harus dicapai mereka dengan rujukan yang sistematik. Rujukan ini dihuraikan dari sumber bacaan dengan keterangan mengenai pengarang, nombor bab dan nombor muka surat. Dengan demikian, penuntut akan lebih aktif dalam proses belajar (Arrasjid.H. 1977. Jurnal Pendidikan 6:1-10).

Pada pendapat pengkaji, suasana persekitaran semasa, perkembangan ilmu yang sentiasa bercambah ditambah lagi dengan suasana dan budaya persekitaran golongan sasaran pelajar yang banyak dipengaruhi oleh latar belakang dan persekitarannya, menuntut suatu kaedah ataupun *approach* yang bersesuaian dengan keadaan. Justeru itu, amatlah perlu bagi setiap tenaga pengajar mempunyai perancangan pengajarannya yang dapat dijadikan sebagai alat untuk memandu mereka dalam sesi pengajaran dan pengajaran berlangsung. Pelajar hendaklah diberikan gambaran awal akan gambaran akhir pembelajaran mengenai hal-hal yang akan dilalui dan disentuh semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Sebolehnya, panduan dan rujukan yang lengkap berkaitan maklumat-maklumat yang boleh dijadikan panduan kepada pelajar hendaklah disampaikan. Hal ini dilihat dapat membantu pelajar supaya terarah dan terpandu sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung, sekaligus melancarkan urusan tenaga pengajar.

2.4 Sikap dan nilai kerja guru pelatih : implikasi terhadap program pendidikan guru

Kasa Z.& Md. Aroff A.R., (1997) menyatakan dalam kajiannya, mempunyai nilai kerja yang baik adalah penting kepada seitiap pekerja yang ingin berjaya dalam pekerjaan. Begitu juga mempunyai sikap yang positif terhadap latihan mengajar akan membawa kejayaan kepada seorang guru pelatih dalam latihan mengajar. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti nilai kerja dan sikap terhadap latihan mengajar dalam kalangan guru pelatih dari Universiti Putra Malaysia. Selain itu, hubungan antara latar belakang guru pelatih dengan nilai kerja dan sikap terhadap latihan mengajar juga ditentukan. Jumlah responden yang terpilih untuk kajian ini adalah 215 orang. Daripada jumlah itu, 173 responden telah mengembalikan selidik .

Dapatan kajian telah menunjukkan guru pelatih daripada Universiti Putra Malaysia mempunyai nilai kerja dan sikap terhadap latihan mengajar yang baik dan positif. Walau bagaimanapun, guru pelatih bukan bekas guru didapati mempunyai nilai kerja dan sikap terhadap latihan mengajar yang lebih baik dan positif daripada guru pelatih bekas guru. Pengalaman mengajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap latihan mengajar, markah latihan mengajar, nilai kerja secara umum, risiko, prestij, hubungan manusia dan kepelbagaian. Guru pelatih yang tiada pengalaman dan belum berkahwin didapati mempunyai nilai-nilai kerja tersebut dan sikap terhadap latihan mengajar lebih baik dan positif daripada guru pelatih yang berpengalaman dan berkahwin.

Walaupun bagaimanapun, guru pelatih yang berpengalaman mengajar dan berkahwin mendapat markah latihan mengajar yang lebih baik daripada guru pelatih yang tiada pengalaman mengajar dan belum berkahwin. Markah latihan mengajar didapati mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan nilai kerja secara umum, risiko, kepelbagaian, hubungan manusia dan gaya hidup. Berlandaskan kepada dapatan kajian, antara cadangan yang diberikan adalah guru pelatih bekas guru boleh dikecualikan daripada menjalani latihan mengajar, imej profesion perguruan perlu dibaiki dan memberi tanggungjawab lebih mencabar kepada guru terutamanya guru baru.

Oleh itu, pada pandangan pengkaji, terbukti bahawa pengalaman yang dilalui sebagai seorang guru banyak membantu dalam memantapkan kualiti guru tersebut. Apa yang perlu ditekankan adalah isu nilai kerja atau sikap yang harus dikekalkan

sebagai seorang guru agar sentiasa bermotivasi tinggi dan komited akan peranan dan tanggungjawabnya sebagai seorang pendidik negara.

2.5 Pengajaran

Dalam zaman ledakan maklumat ini, guru tidak lagi berperanan sebagai penyampai maklumat yang konvensional semata-mata, tetapi bertindak sebagai pemudah cara untuk memotivasikan pelajar supaya mereka dapat mempelajari pengetahuan dan kemahiran secara diri sendiri. Oleh itu, pengajaran oleh guru haruslah berasaskan sumber yang menarik manakala berdasarkan penguasaan kemahiran maklumat yang merupakan kemahiran asas untuk pendidikan seumur hidup. Kamarudin M.R. (2010) menyatakan dalam kajiannya, dalam sistem persekolahan hari ini, guru merupakan individu yang bertanggungjawab untuk menjayakan tugas ini di mana guru sewajarnya mampu memotivasi dan meningkatkan minat pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran.

Lantaran pengajaran merupakan proses dialog (dua hala) yang melibatkan interaksi antara guru dan pelajar bukannya monolog (satu hala). Dalam hal ini, pembelajaran akan berlaku dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, seseorang guru perlu kreatif dan inovatif untuk menjadikan pengajarannya menarik. Jika demikian, guru bolehlah dianggap sebagai pelakon atau seniman. Dalam kajian Kamarudin M.R. (2010) lagi, guru perlu mempamerkan watak seorang pelakon di hadapan pelajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung bagi membangkitkan minat pelajar untuk belajar seterusnya mencapai objektif sesuatu pengajaran. Oleh itu, *“The good teacher must be the best actor”*.

Berdasarkan Kamus Dewan (2005), pengajaran bermaksud perihal mengajar, segala sesuatu berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar. Tenaga pengajar harus merancang dan menyediakan setiap pengajaran berlandaskan keperluan dan matlamat pelajar supaya keperluan ini dapat dipenuhi. Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Ini meliputi perkara-perkara seperti aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan cara yang berkesan (Ang H.B., 1999).

Pengajaran adalah satu proses yang kompleks yang dipenuhi oleh pelbagai unsure termasuk kualiti pengajar, kecerdasan, bakat, minat, pengaruh motivasi, persekitaran sekolah dan dorongan ibu bapa terhadap murid itu. Selesai satu proses, pengajaran merupakan suatu jaringan aktiviti bagi menghubungkan murid-murid melalui pemahaman yang dijangka dapat dipindahkan setelah hubungan itu dikawal baik oleh kaedah tertentu yang digunakan (Husin K., 1993).

Banyak kajian telah dibuat yang menunjukkan bahawa pengajaran yang berkesan itu adalah pengajaran yang menggunakan pelbagai teknik mengikut kumpulan pelajar yang diajar. Teknik-teknik ini perlu dipelajari. Begitu juga kemahiran merancang dan memperkembangkan kurikulum, mengumpul dan menyusun sumber pengajaran dan perkhidmatan media, cara-cara menilai kursus dan lain-lain perlu dipelajari oleh pensyarah supaya menjadi pengajar yang berkesan dan berketrampilan.

Keperluan latihan juga adalah berkaitan dengan keperluan akauntabiliti dan kesedaran betapa pentingnya penilaian dibuat untuk menguasai kelemahan dan kekuatan sendiri dalam kalangan para akademik. Akauntabiliti diertikan sebagai keadaan apabila seseorang itu dapat member gambaran tentang kemajuan atau perkembangan pada masa-masa tertentu. Dengan adanya aktiviti-aktiviti latihan untuk mengajar maka lebih senang dibantu pensyarah untuk meningkatkan keupayaan mengajar dan berasaskan prestasi hariannya dikumpulkan maklumat berkaitan.

Pengajaran merupakan suatu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Ianya bertujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu. Corak pengajaran banyak berubah dan akan terus berubah mengikut perkembangan pendidikan dari semasa ke semasa. Matlamat pengajaran negara kita adalah bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis, berilmu pengetahuan serta berakhlak mulia. Keberkesanan pengajaran pula diukur berdasarkan sejauh mana hasil objektif pelajaran dicapai melalui proses pengajaran yang dirancang dan dilaksanakan (Hashim S., 2003). Konsep pengajaran dan pembelajaran ditunjukkan dalam Rajah 2.1.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar M.N. (1999). *Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar M.N. (1999). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Majid, K. (1989). *Ke Arah Mempertingkatkan Pengajaran Mikro*. Bengkel Maklum Balas Latihan Mengajar. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Ab. Rahman. (2000). *Komunikasi Bilik Darjah*. Kelantan : Jurnal Akademik. Maktab Perguruan Kota Bharu. Pengkalan Chepa. Vol. 120. 25.
- Ab. Rahman R. (2006). *Tesis Penilaian Pengajaran Terhadap Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional Dalam Program Latihan Mengajar Di Sekolah Menengah Teknik*. Parit Raja. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Abdul Raof & Mohd Meerah T.S (1991). *Isu-Isu Latihan Mengajar*. Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn Bhd
- Abdul Rashid A.R. & Abdul Talib A.A. & Md Din . A. G. & Haron .M. (2000). *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. 90.

- Ahmad N.A. (2011). Tesis Pandangan Pihak Sekolah Terhadap Prestasi Guru Pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional UTHM. Parit Raja. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Alias M. Wan Mohamed W.A. & Suradi Z. (2010). *Statistic In Research*. Parit Raja. Pusat Pengajian Siswazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ang H.B. (1999). Konsep Dan Kaedah Pengajaran Dengan Penekanan Pendidikan Inklusif. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Arrasjid H. (1977). Strategi Hal Mengajar *Jurnal Pendidikan 6: 1-10*. Dicapai Pada Februari 25, 2010, dari <http://www.penerbit.ukm.my/jpend1-15abs.htm>.
- Ashaari O. (1997) .Prinsip Pengajaran Mikro. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Aziz A.R (1998). Motivasi Dan Pembangunan Diri. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Che Nudin. C.M.N. (2007). Penyeliaan Pensyarah Terhadap Pengajaran Guru Pelatih Semasa Latihan Mengajar. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Chua Y.P. (2008). Asas Statistik Penyelidikan Analisis Data Skala Ordinal Dan Skala Nominal Buku 3. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Chua Y.P. (2006).Asas Statistik Penyelidikan Buku 2. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Chua Y.P. (2006). Kaedah Penyelidikan buku 1. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Cohen L. & Manion L. (1995). *Research Methods in Education*. Britain. Routledge

- Ee A.M. (1997). *Psikologi Perkembangan : Aplikasi Dalam Bilik Darjah*. Edisi 2. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Elias H. Abu Bakar K. & Mahyuddin R.(1997). *Pedagogi 2 : Satu Pelaksanaan Pengajaran*. Selangor. Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Flanders. A. N. (1970). *Analysing Teaching Behaviour*. London : Addison-Wellesby.
- Gardner H. (1983). *Art, Mind and of Multiple Intelligences*. Steinhardt School of Culture, Education, and Human Development. New York University
- Hashim S. (2003). *Pedagogi Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Pahang. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hassan A. & Mohd A. (2000) .*Kemahiran Interpersonal untuk Guru Bestari*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd .
- Husin K.(1993). *Pedagogi 3 : Penggunaan Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Petaling Jaya. Longman Malaysia.
- Idris K.A. (2002). *Generasi Muda Islam Perlukan Kekuatan Minda*. Dicapai pada April 5, 2010 dari http://www.ikim.gov.my/v5/index.php//kelab/index.php?lg=2&opt=com_article&grp=2&sec=&key=707&cmd=resetall
- Johar R. (2009). *Ciri-Ciri Dan Potensi Diri Guru Berkesan Dalam Merealisasikan Pendidikan Cemerlang*. Dicapai pada Mac 25, 2010, dari <http://personajohor.blogspot.com/2009/11/esei-potensi-diri-guru-berkesan.html>.
- Kamarudin M.R. (2010). *Mudahnya Mengajar ; Mendidik Masyarakat Ke Arah Kejayaan*. Shah Alam. Alaf 21 Sdn. Bhd.

- Kamsah M.F. (2004). *Merancang Kejayaan*. Pahang. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kasa Z. & Md. Aroff A.R. (1997). *Jurnal Pendidikan 22* : 25-38. Dicapai Pada Februari 25, 2010, dari <http://www.penerbit.ukm.my/jpend1-15abs.htm>
- Konting M.M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kumar R. (1999). *Research Methodology : A Step By Step Guide For Beginners*. Second Edition. Dicapai pada April 5, 2010 dari <http://www.ndsu.edu/epscor/NATURE/Documents/WorkshopResearchMethodology.pdf>
- Lim . A.H. (2004). *Keupayaan Mengajar Guru-Guru Kemahiran Hidup Dalam Bahagian Teras Bagi Sukatan Pelajaran Baru Tingkatan Satu : Satu Tinjauan Di Sekolah-Sekolah Menengah Kawasan Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Long A. (1982). *Pedagogi : Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mohd A. (2003). *Panduan Menggunakan Teori Motivasi Di Tempat Kerja*. Pahang. PTS Publications & Distributor Sdn Bhd
- Mok S.S. (2002). *Pendidikan Di Malaysia Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2*. Subang Jaya. Kumpulan Budiman Sdn Bhd
- Mok S.S. (2002). *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 1*. Subang Jaya. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

- Mok S.S. (2003). Ilmu Pendidikan Untuk KPLI : Komponen 3 :Profesionalisme Keguruan Sekolah Rendah. Subang Jaya Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok S.S. (2002). Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2. Subang Jaya. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Nordin A. & Arshad M.Y. (1997). Penilaian Dalam Latihan Mengajar : Bengkel Penyelarasan Penyelia Latihan Mengajar Penyelia-Penyelia Bersekutu UTM/MRSM. Johor. Universiti Teknologi Malaysia. 1-31.
- Panduan Penulisan Tesis (2009). Edisi Ketiga. Parit Raja. Pusat Pengajian Siswazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Panduan Penyeliaan Pembimbing. Parit Raja. Jawatankuasa Program Latihan Mengajar Fakulti Pendidikan Teknikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sulaiman E. (2003). Amalan Profesionalisme Perguruan. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia
- Sulaiman E. (2004) .Pengenalan Pedagogi . Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Slavin, R.E. (1994). *Educational Psychology : Theory and Practice*. USA : Allyn and Bacon.